



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**  
(JURNAL HARIAN)

---

**PADA HARI RABU, 22HB SYA'ABAN 1444 / 15HB MAC 2023  
(HARI KESEPULUH)**

---

**1. DO'A SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**

- 2.1.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

**2.2. KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A.
- 2.2.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed
- Mohon pencerahan sejauh mana keberkesanan usaha-usaha Jabatan Pertanian dalam menggerakkan sektor pertanian dalam mananai hasrat titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

- Mencadangkan bagi mengadakan strategi kebangsaan bagi memastikan *food security* makanan-makanan asas; dan untuk *national food security* untuk diberikan;
- Mencadangkan bagi *Government Linked Companies* (GLC) untuk memulakan penerokaan dan melapor dalam bidang *mechanisation* dan *automation* dalam ladang-ladang;
- Membawa masuk atau membuat pelaburan terhadap *commercial farms* luar negara yang berjaya menggunakan teknologi dan *work practices*; agar dapat menempatkan pegawai-pegawai pertanian, peladang-peladang bagi bekerjasama untuk membuat penyelidikan dan menimba pengetahuan;
- Mencadangkan untuk menjadikan jumlah kawasan pertanian yang baharu dibuka dan jumlah peladang generasi baharu yang berjaya sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI);
- Mencadangkan untuk mengadakan kursus-kursus pendek dalam menambah ilmu peladang akan teknik pertanian baru, dan juga untuk mengadakan *helpline* apabila menghadapi masalah;
- Mencadangkan untuk meningkatkan inisiatif untuk mengajar peladang bagi mengusahakan tanaman-tanaman sampingan yang dikategorikan sebagai *high value crops*;
- Mencadangkan untuk menghidupkan semula usaha kementerian-kementerian untuk mengukuhkan lagi promosi pelancongan dari aspek kesihatan, pendidikan dan sukan;
- Berpendapat untuk menilai kesesuaian untuk mengukuhkan strategi *security of supply* melalui pengimportan beras yang tidak tertumpu kepada satu lokasi atau satu rantau sahaja; menilai kesesuaian bagi GLC untuk melabur dalam bidang pertanian dan yang perusahaan luar negara;
- Menyoalkan adakah usaha-usaha proaktif kementerian untuk memperkenalkan satu standard *Safety, Health Environment National Authority* (SHENA) dalam industri

pertanian dan menambah usaha untuk memberikan kesedaran awal kepada pengusaha, peladang akan *SHENA Work Standards and Work Practices*;

- Mencadangkan untuk melatih pegawai-pegawai pertanian mengenai *Work, Health and Safety Environment Competency Standard*;
- Ingin mengetahui jika pihak kementerian ada membuat penilaian-penilaian kerjasama dalam pertanian, ekonomi, laut dan udara bersama pihak Kerajaan Indonesia untuk memajukan dan mengambil peluang dalam penghijrahan ibu kota Indonesia ke Borneo;
- Menyuarkan keluhan para penternak mengenai isu pengimportan daging mentah yang mana mereka tidak diberi peluang untuk mengimport daging mentah.

iii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin

- Ingin mengetahui strategi Jabatan Perhutanan untuk meningkatkan dan mengekalkan pemeliharaan hutan-hutan daripada dicerobohi, dan juga mencadangkan untuk menuahkan satu kumpulan khas untuk memantau terutama sekali di kawasan yang hampir sempadan dengan menggunakan teknologi terkini;
- Membuat saranan terhadap projek-projek mananam semula untuk mananam juga pokok-pokok yang berkualiti tinggi.

iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman

- Ingin mengetahui akan status penyediaan saliran air, bekalan air dan elektrik dan infrastruktur-infrastruktur lain seperti akses jalan-jalan kecil, kemudahan pinjaman, market infrastruktur dalam dan luar negeri, kajian tanah, nasihat pakar, khidmat *research & development*, telah disediakan oleh pihak kementerian;
- Mencadangkan bagi pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan agensi-agensi yang lain untuk membuat peratus-peratus yang tertentu untuk mengetahui sejauh mana pencapaian dalam perkara-perkara di atas;

- Sejauh mana *Agricultural Extension Station* telah *reach out* dan menghulurkan bantuan kepada peladang-peladang kecil dan sederhana;
- Ingin mengetahui jika pihak kementerian ada menawarkan satu pakej bantuan kepada para graduan yang berminat memulakan perusahaan dalam bidang pertanian tetapi kurang pengetahuan mengenainya; dan mencadangkan agar pakej-pakej tersebut untuk diberikan.

v. Yang Berhormat Awang Mohamad Ali bin Tanjong

- Menyarankan supaya pihak berkenaan untuk meninjau kawasan-kawasan tanah yang tidak dapat menggunakan mesin-mesin demi untuk membantu petani memajukan perusahaan;
- Mohon pencerahan mengenai subsidi pertanian dan mesin-mesin yang tidak lagi ditawarkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan kepada para peladang;
- Mohon pencerahan mengenai isu baja yang sering mengalami kehabisan stok dan dijual dengan harga yang mahal di kedai-kedai tanpa bantuan kewangan kerajaan.

vi. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin

- Menyoalkan jika pihak kementerian pernah memikirkan untuk mengadakan acara sukan di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) seperti *triathlon*;
- Ingin mengetahui status dan usaha kementerian berkaitan hiliran pokok gaharu;
- Ingin mengetahui sekiranya pihak kementerian menanam rumput ladang permakanan bagi binatang ternakan untuk Syarikat PDS;
- Menyatakan beberapa isu-isu yang dibangkitkan oleh pengusaha-pengusaha pertanian mengenai cabaran-cabaran yang dihadapi termasuk kesulitan untuk mendapatkan tapak tanah, bekalan tenaga elektrik dan air.

- 2.2.3. Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.
- 

**[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

**2.3. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI RASMI KERANA JAWATAN**

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin dalam membahaskan Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

**2.4. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

- 2.4.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A.
- 2.4.2. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- 2.4.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, iaitu:
- i. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan
- Mencadangkan program-program mengimarahkan masjid untuk dihidupkan dan diperluaskan dengan mewujudkan program khusus dengan kerjasama antara Jabatan Hal Ehwal Ugama, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, dan persatuan dan badan-badan NGOs;
  - Mohon pencerahan mengenai syarat-syarat dan penilaian yang ditetapkan bagi mendapatkan manfaat dari Skim Perkhidmatan Guru Ugama (SPGU).

- ii. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir
    - Menyuarkan tentang isu kekurangan kereta jenazah di daerah Temburong yang menyebabkan kelambatan dalam pengurusan jenazah;
    - Menyentuh dengan isu tanah perkuburan Islam dan mencadangkan agar pihak kementerian menyediakan mesin jentera bagi memudahkan proses penggalian tanah-tanah perkuburan;
    - Mohon pencerahan status Projek Pembinaan Pusat Kegiatan Kampong Senukoh, Mukim Labu;
    - Menyeru bagi membuat papan-papan tanda menuju ke masjid-masjid yang jauh.
- iii. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin
  - Mencadangkan untuk menaiktaraf Majlis Ugama Islam sebagai satu jabatan agar dapat melahirkan sistem yang cekap dan efisien, khususnya dalam pengurusan hal ehwal zakat;
  - Menyoalkan tentang inisiatif kementerian dalam mengekalkan hala tuju Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB) dan jika pihak kementerian mempunyai data kajian yang melihatkan graduan keluaran KUPUSB yang menjadi guru ugama;
  - Mencadangkan agar para penuntut di KUPUSB dapat menceburkan diri ke bidang pekerjaan yang lain dan bukan hanya terhad menjadi guru ugama;
  - Menyentuh tentang isu kemansuhan sijil halal dan mencadangkan pihak kementerian untuk membuat peringatan ringkas kepada premis-premis makanan secara proaktif.
- iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
  - Mencadangkan agar Badan Tanmiah Majlis Ugama Islam meneroka untuk mempelbagaikan bentuk pelaburan dalam bidang perindustrian dan perusahaan yang patuh syariah yang boleh

mendatangkan impak sosio-ekonomi kepada masyarakat dan negara;

- Mohon pencerahan mengenai erti dan ciri-ciri yang dimaksudkan untuk menjadi sebuah Negara Zikir serta strategi dan inisiatif yang lebih berkesan ke arah menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir;
- Mencadangkan agar tatacara menghadapkan permohonan dan proses kebenaran bagi Jawatankuasa Takmir Masjid untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti keagamaan dan kebajikan direviu dan dikemaskini supaya dipercepatkan dan dipermudahkan;
- Menyeru bagi tatacara untuk mendapatkan sijil halal dapat dikemaskini dan dipermudahkan bagi menggalakkan peniaga-peniaga tempatan untuk terus maju.

v. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin

- Memohonkan pencerahan sekiranya produk import daging dalam tin memerlukan pemeriksaan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) sepetimana dibuat terhadap daging mentah dan daging berproses;
- Menyoalkan sekiranya cop halal yang dikeluarkan oleh negara luar adalah memadai untuk diperakui kehalalan produk daging import berproses;
- Menyoalkan sekiranya pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan meneliti dan menilai risiko daging proses dalam tin dari penyakit berjangkit dan keselamatan makanan.

vi. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam

- Mencadangkan bagi mengenalpasti punca kurangnya peningkatan pembayaran zakat agar dapat dibuat pembaikan-pembaikan yang berkaitan;

- Menyeru agar pemberigaan yang meluas kepada masyarakat awam dibuat mengenai hal ehwal zakat harta yang wajib dikeluarkan;
  - Mencadangkan untuk membina satu sistem kebangsaan pengurusan zakat bagi mendukung aspirasi negara menuju *Smart Nation*;
  - Menyarankan agar membuat kajian terlebih dahulu sebelum menjalankan inisiatif di atas berkenaan dengan kesedaran masyarakat dan kepentingan zakat kepada negara dan rakyat;
  - Mencadangkan agar ditambah baik dan dibuat penilaian semula terhadap Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) dan menerapkan ilmu Fardhu Ain kepada golongan asnaf dan masyarakat;
  - Menyoalkan bagaimana pihak kementerian dapat membantu pengusaha-pengusaha penyembelihan ayam persendirian diberi sijil penyembelihan untuk mengelakkan keraguan kehalalannya dan kos operasi;
  - Mencadangkan pihak kementerian melalui Jabatan Pengajian Islam untuk memperkenalkan aktiviti sukan memanah di sekolah-sekolah arab dan sekolah-sekolah ugama.
- 2.4.4. Perbahasan bagi Tajuk-Tajuk dibawah Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah diberikan respon oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

---

**[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI KHAMIS, 16HB MAC 2023 JAM 2.30 PETANG]**

---